



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

---

### AKTIFKAN LESEN MEMANDU MALAYSIA (LMM) BAGI KELAYAKAN BUDI95

**PUTRAJAYA** – Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) ingin menegaskan kepentingan pemegang Lesen Memandu Malaysia (LMM) memastikan status lesen masing - masing **sentiasa aktif bagi mendapatkan subsidi bersasar BUDI MADANI RON95 (BUDI95)**.

Dalam hal ini, **LMM yang diklasifikasikan aktif adalah lesen yang tamat sah lakunya tidak melebihi 36 bulan dari tarikh akhir pembaharuan** sebelumnya. Dalam tempoh ini, pemegang lesen masih layak menerima subsidi BUDI95 dan boleh memperbaharui lesen secara terus tanpa sebarang ujian tambahan.

Namun demikian, sekiranya **lesen memandu telah tamat tempoh melebihi 36 bulan, pemegang lesen tersebut tidak lagi layak menerima subsidi BUDI95**. Selain itu, pembaharuan lesen tidak boleh dilakukan secara terus dan pemegang lesen diwajibkan menjalani semula ujian kompetensi memandu di mana-mana Institut Memandu.

Sehubungan itu, **JPJ menyeru semua pemegang lesen memandu Malaysia agar sentiasa memastikan lesen mereka diperbaharui** dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan lesen menjadi tidak aktif. Tindakan ini penting bagi memastikan kelayakan berterusan untuk menerima subsidi BUDI95. Walaubagaimanapun, sekiranya mana – mana individu memandu kenderaan motor, lesen memandu yang dipegangnya hendaklah masih berkuatkuasa iaitu belum tamat tempoh.

JPJ akan terus komited memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berintegriti, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

**KETUA PENGARAH  
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**26 MAC 2026**

**[TAMAT]**